

BADAN KAWAL SENI SILAT DITUBUHKAN

Oleh: WARTAWAN BH

14 NOV 1974
SEBUAH badan pengawal semua jenis pencak silat mungkin ditubuhkan di Republik ini tidak lama lagi.

Bagaimanapun, sebagai langkah awal akan ditubuhkan dulu sebuah Jawatankuasa Penasihat dan inisiatif ini diambil oleh Majlis Sukan Kebangsaan.

Tujuan penubuhan jawatankuasa itu ialah untuk memproses pendaftaran persatuan, guru dan para pelatih seni silat, sebagaimana yang diperlukan oleh Undang-Undang Seni Mempertahankan Diri.

Mula 2 Disember

Jawatankuasa itu, mungkin ditubuhkan dalam masa dua minggu lagi jika dipersetujui dan akan bertanggungjawab menasihati dan memastikan setiap badan silat berjalan lancar mengikut undang-undang tadi.

Undang-undang itu pula akan berjalan kuatkuasanya mulai 2 Disember, dan setiap badan seni mempertahankan diri, termasuk pencak silat yang tidak berdaftar, dilarang dari bergerak lagi mulai tarikh itu.

Bayaran pendaftaran setahun bagi badan silat ialah \$100, guru silat \$50 dan para pelatihnya pula \$5.00. Tetapi sejauh ini belum ada pendaftaran silat diterima.

Denda \$2,000

Mereka yang gagal mendaftarkan diri setelah tarikh itu, mengikut undang-undang, boleh didenda hingga \$2,000 dan penjara paling lama enam bulan.

Orang-orang yang menguruskan sebuah pertubuhan yang tidak berdaftar boleh didenda hingga \$4,000 ataupun lima tahun penjara paling lama.

Sumber - sumber tadi menerangkan bahawa satu pertemuan antara pertubuhan - pertubuhan Melayu dengan pegawai - pegawai Majlis Sukan Kebangsaan telah diadakan tidak lama lalu, dan hasil pertemuan itu direncanakan untuk ditubuhkan sebuah jawatankuasa Penasihat Silat Melayu.

Pertubuhan - pertubuhan Melayu itu, difahamkan, menerima pada dasarnya tentang penubuhan jawatankuasa tadi dan perinciannya akan dibincangkan dalam pertemuan kedua kelak.

Melalui jawatankuasa ini nanti akan ditimbang tentang keperluan menubuhkan sebuah badan pengawal yang

★ Muka 3 Ruang 3

Kira2 40 badan silat terdapat di sini

★ Dari Muka 1

fungsinya akan termasuk memastikan pencak silat akan selamanya hidup subur.

Ditaksirkan terdapat kira-kira 40 buah badan seni silat Melayu termasuk 21 buah di balai-balai rakyat dengan keanggotaan-

nya kira-kira 2,000 orang.

Dengan alasan supaya setiap kegiatan berjalan dengan baik dan tidak disalahgunakan, maka perlunya berdaftar dan dikawal.

Sumber - sumber lain menerangkan bahawa bilangan penganjur seni silat yang menerima keuntungan agak lumayan, dan pendapatan mereka akan pasti terjejas andainya tidak juga terdaftar menjelang 2 Disember depan.

Jangan salahgunakan pembaruan — Ya'acob

4 NOV 1974
SATU majlis perjumpaan Hari Raya Aidilfitri telah dianjurkan oleh PERPENSIS di Madrasah Al-Maarif, Ipoh Lane pada Sabtu malam lalu.

Antara tetamu yang hadir dalam perjumpaan itu ialah Menteri Negara di Pejabat Perdana Menteri, Haji Ya'acob Mohamed dan Presiden MUIS, Haji Buang Siraj.

Haji Ya'acob dalam ucapannya, antara lain menyeru para belia di sini supaya jangan menyalah tafsirkan pembaruan dan modenisasi dengan sikap meniru apa yang dilakukan oleh orang-

orang Barat.

"Jika dulu sikap suka berkepala botak digemari oleh pemuda-pemuda sesuai dengan wajah seorang pelakun, kini para pemuda sibuk berambut panjang.

"Sikap yang suka meniru itu jelas menunjukkan tidak adanya keperibadian pada diri pemuda-pemuda dan ini bukanlah satu tanda yang baik," kata Haji Ya'acob.

Presiden MUIS, Haji Buang Siraj dalam ucapan ringkasnya telah mengesa para belia supaya terus menimba pelajaran yang berfaedah. Perjumpaan itu dihadiri oleh kira-kira 200 orang anggota PERPENSIS.